

SEWAH TEKUKUR BESAR

Large Hawk-cuckoo

FAMILI: Cuculidae

NAMA SAINTIFIK: *Hierococcyx sparverioides*



CIRI-CIRI

Spesies ini sangat sukar untuk dilihat kerana selalu berselindung di celah-celah daun. Terdapat dua sub-spesies bagi spesies ini iaitu *H.s.sparverioides* dan *H.s.bocki*. Bagi sub-spesies yang pertama, saiznya agak besar dengan bahagian atas dan tepi kepala berwarna kelabu, bahagian atas bahu dan sayap berwarna kelabu kecoklatan, dagu berwarna gelap dan dada berwarna coklat kemerahan dengan jalur gelap. Bahagian perut pula berwarna putih dengan jalur melintang yang juga berwarna gelap. Pada bahagian ekor, terdapat jalur melintang yang berwarna gelap. Bagi sub-spesies kedua yang terdapat di Semenanjung Malaysia, saiznya adalah lebih kecil dengan warna coklat kemerahan yang lebih lebar. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah antara 38-41.5 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada mamalia kecil dan vertebrata lain, serangga, siput, buah-buahan dan biji-bijian.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini adalah di hutan dipterokarp, habitat yang terbuka, taman-taman dan hutan paya bakau sehingga ke ketinggian 2,500 m dari aras laut.

BUNYI

Kebiasaannya spesies ini akan mengeluarkan bunyi *pwí pwée-wru* atau *pi-phu* yang sangat kuat.

PEMBIAKAN

Ia membiak di atas ketinggian 650 m dari aras laut. Ianya juga merupakan *brood parasitism* iaitu telurnya dibiarkan pada sarang burung Kelicap Jantung Gunung (*Archnothera magna*) atau Kelicap Jantung (*A. longirostra*) dan akan dieramkan serta dijaga oleh hos tersebut.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.